

13/03/2002

Lawatan Dr M pererat hubungan Malaysia-Russia

Ahmad Rejal Arbee

MOSCOW, Selasa - Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka tiba malam esok (awal pagi Khamis waktu Malaysia) untuk kunjungan rasmi tiga hari ke Russia bagi mengeratkan hubungan dua hala, termasuk meningkatkan perdagangan dan pelaburan serta kerjasama bidang sains, teknologi serta pertahanan.

Lawatan Perdana Menteri ke Moscow kali ini dilihat amat penting selepas jadual lawatan asal ke negara itu September lalu, ditunda berikutan serangan penganas terhadap Amerika Syarikat.

Dr Mahathir dan rombongannya dijangka disambut pada satu upacara rasmi di lapangan terbang Vnokovo, Moscow kira-kira jam 9 malam Rabu (2 pagi waktu Malaysia).

Kemuncak lawatan kerja Perdana Menteri ialah perbincangan dengan Presiden Vladimir Putin di pejabatnya di Kremlin pada tengah hari Khamis diikuti perbincangan antara pegawai kanan kedua-dua negara.

Rombongan Perdana Menteri disertai Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar; Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz; Menteri Sains Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Seri Law Hieng Ding dan Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng.

Turut serta dalam lawatan itu Menteri Besar Negeri Sembilan, Tan Sri Mohd Isa Samad; Menteri Besar Perak, Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali; Menteri Besar, Perlis Datuk Seri Shahidan Kassim dan Ketua Menteri Sabah, Datuk Chong Kah Kiat.

Perbincangan Dr Mahathir dengan Presiden Putin dijangka berkisar mengenai usaha mempertingkatkan hubungan dua hala serta kerjasama pelbagai bidang, khususnya perdagangan dan pelaburan.

Kunjungan ke Moscow adalah persinggahan pertama beliau dalam rangka lawatan sembilan hari ke Russia, Jerman dan Poland. Ini adalah lawatan kedua Dr Mahathir ke Russia selepas mengunjungi wilayah Khabarovsk dan Buryatia pada Ogos 1999.

Dalam lawatan kali ini, Dr Mahathir juga dijadual melawat beberapa pusat penyelidikan dan pemantauan, termasuk Pusat Perkhidmatan Pemantauan Alam Sekitar dan Hydrometeorology, dan Institut Kimia Bio-Organic di Pusat Akademi Sains.

Di Institut Penerbangan Zhukovsky, Perdana Menteri dijangka menyaksikan keupayaan pesawat pejuang Sukhoi SU-30.

Kunjungan Dr Mahathir juga diharap bukan saja mengukuhkan hubungan bidang tradisi tetapi memperluaskan kerjasama dalam bidang lain, khususnya teknologi dan sains, bioteknologi serta kesihatan.

Russia dianggap antara negara termaju dalam bidang pertahanan dan angkasa lepas serta bioteknologi, kesihatan dan kaji cuaca.

Pada perbincangan peringkat tertinggi Dr Mahathir dan Putin dijangka menumpukan pelbagai isu antarabangsa, termasuk pergolakan semakin buruk di Palestin berikutan serangan berterusan regim Yahudi terhadap rakyat Palestin, masalah keganasan antarabangsa serta langkah kerajaan Amerika menggunakan senjata nuklear terhadap beberapa negara termasuk Russia, China, Syria, Iran, Iraq, Libya dan Korea Utara.

Rancangan menggunakan senjata nuklear oleh Jabatan Pertahanan Amerika (Pentagon) terhadap negara tertentu yang dikecam hebat, dianggap dasar yang amat berbahaya.

Pada petang Khamis, Dr Mahathir dijadual menyampaikan ucapan pada

forum perniagaan Malaysia-Russia diikuti sesi soal jawab.

Forum itu anjuran bersama Institut Kepimpinan dan Strategik Asia (Asli), Perbadanan Pembangunan Perdagangan Malaysia (Matrade) dan Tabung Kerjasama Russia-Asean.

Beberapa pemimpin korporat Malaysia sudah berada di sini bagi meninjau peluang perniagaan bagi meningkatkan perdagangan dan pelaburan antara badan korporat kedua-dua negara.

Dr Mahathir juga dijadualkan menemui pelajar Malaysia yang mengikuti pelbagai kursus di sini. Jumaat ini, Dr Mahathir dan rombongan akan menunaikan sembahyang Jumaat di Masjid Prospect Mira.

Beliau juga dijadual mengadakan perbincangan dengan Perdana Menteri Russia Mikhail Kasyanov.

Dr Mahathir dan rombongan akan bertolak ke Jerman pada pagi Sabtu sebelum meneruskan lawatan rasmi ke Poland.

(END)